

PEKELILING NAIB CANCELOR

Tarikh: 25 Mac 2020 Bil:03/2020 Ruj: PICOMS/NC/02/003. Jld.I

Assalamu'alaikum Wrh. Wbrth. dan Salam Sejahtera,

ARAHAN LANJUTAN PENANGGUHAN SELURUH OPERASI PERKHIDMATAN KOLEJ UNIVERSITI ANTARABANGSA PICOMS SEPANJANG PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini memaklumkan Arahan Lanjutan Penangguhan Seluruh Operasi Perkhidmatan Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS dalam tempoh keadaan wabak COVID19.

2.0 LATAR BELAKANG

Merujuk kepada Perutusan Media Khas YAB Perdana Menteri pada 25 Mac 2020, jam 1 tengahari, mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang dilanjutkan sehingga 14 April 2020 di seluruh negara.

Justeru itu, Naib Cancellor PICOMS telah memutuskan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang di lanjutkan turut digunapakai kepada seluruh kakitangan dan pelajar PICOMS.

3.0 PELAKSANAAN TERHADAP PELAJAR PICOMS

Semua pelajar PICOMS adalah tertakluk untuk mematuhi arahan seperti berikut:

3.1 OPERASI PICOMS DITUTUP SEPENUHNYA

Semua operasi perkhidmatan PICOMS melibatkan pejabat, makmal dan Pusat Pengajaran dan Pembelajaran adalah **DITUTUP SEPENUHNYA** dan dilanjutkan **sehingga 14 April 2020**.

Sehubungan itu, semua aktiviti Kolej termasuk mesyuarat/ latihan/ bengkel/ seminar/ konferensi/ lawatan akademik/ aktiviti sukan/ kokurikulum/ khidmat masyarakat **DITANGGUHKAN**



4.0 PELAKSANAAN TERHADAP KAKITANGAN PICOMS

Semua kakitangan PICOMS adalah tertakluk untuk mematuhi arahan seperti berikut:

4.1 Semua operasi perkhidmatan PICOMS adalah DITUTUP SEPENUHNYA **sehingga 14 April 2020**. Walaubagaimanapun terdapat pengecualian bagi kakitangan yang dibenarkan untuk hadir bertugas semasa Perintah Kawalan Pergerakan seperti berikut:

- 4.1.1 Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar
- 4.1.2 Pasukan Tele-Marketing yang dilantik,
- 4.1.3 Pusat Hemodialisis MAIWP-PICOMS,
- 4.1.4 Pusat Farmasi MAIWP-PICOMS dan
- 4.1.5 Pihak sekuriti dan warden asrama pelajar

*(NOTA: Mana-mana kakitangan yang perlu hadir di atas urusan penting ke pejabat haruslah mendapat kelulusan daripada Naib Canselor (NC) atau Timbalan Naib Canselor (TNC). Ketua Jabatan/ Unit/ Pusat/ Fakulti/ Kampus harus membuat permohonan melalui Jabatan Sumber Manusia untuk mendapatkan **Surat Kebenaran**)*

4.2 Bagi kakitangan yang lain, adalah dinasihatkan untuk duduk dirumah (*stay at home*) dan teruskan meningkatkan tempoh masa bekerja mesra dari rumah (*work from home*) dengan lebih efisien.

5.0 TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling ini dikeluarkan pada 25 Mac 2020.

6.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 25 Mac 2020. Pemakluman terkini akan dibuat dari semasa ke semasa.

7.0 PEMAKAIAN

Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua kakitangan dan pelajar, Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS dan untuk edaran dalaman sahaja.



PROF. DR. WAN MOHD AZIZI BIN WAN SULAIMAN

Naib Canselor PICOMS

- S.K : Timbalan Naib Canselor
- : Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Pascasiswazah
- : Pendaftar
- : Semua Dekan Fakulti
- : Semua Ketua Jabatan
- : Semua Warga PICOMS

